

## Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

---

**From:** UUM CORPORATE COMM.  
**Sent:** Tuesday, November 12, 2019 9:19 AM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** Aqil Afiq Juara Kejohanan Golf Amaturn Terbuka Negeri Sembilan Edisi Ke-36



UUM Corporate Comm.  
Universiti Utara Malaysia

12 NOVEMBER 2019 / 15 RABIULAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: AGNUUM

### AQIL AFIQ JUARA KEJOHANAN GOLF AMATUR TERBUKA NEGERI SEMBILAN EDISI KE-36



**UUM ONLINE:** Akademi Golf Nasional Universiti Utara Malaysia (AGNUUM) terus mencipta nama dalam arena golf apabila pelatih AGNUUM, Aqil Afiq Rosli berjaya merangkul gelaran juara kategori Gross lelaki Kejohanan Golf Amaturn Terbuka Negeri Sembilan Edisi Ke-36 di Royal Seri Menanti Golf & Country Club, baru-baru ini.

Perebutan kejuaraan berlangsung dengan penuh debaran apabila pemenang terpaksa ditentukan dengan permainan *playoff* yang mana Aqil memperolehi catatan 72, 77, 77, manakala seorang lagi pemain iaitu Amir Benno telah mencatat 73, 75, 78 dengan mengumpulkan 226 jumlah keseluruhan pukulan yang sama.

Namun, ketenangan Aqil melakukan *birdie putt* telah berjaya meletakkannya sebagai pemenang pada kejohanan itu pada pusingan pertama *playoff*, seterusnya membawa pulang piala dan voucher bernilai RM1,000.

Aqil berkata, dia gembira dengan kejayaan ini dan berterima kasih pada jurulatih dan pengurusan AGNUUM yang memberikan sokongan dan doa yang berterusan sehingga berjaya mengecapi kejayaan itu.

Kejohanan selama dua hari bermula 8 November itu dianjurkan Persatuan Golf Malaysia (MGA) dengan penyertaan seramai 55 pemain amatur dari seluruh negara.

Hadiah pemenang telah disampaikan oleh Presiden MGA, Tan Sri Mohd Anwar Mohd Nor.

Terdahulu, AGNUUM telah melakar kejayaan menerusi pelajar AGNUUM, Ruhanraj Vinayagam yang muncul juara dalam Kejohanan Golf Amatur Terbuka Pahang Edisi Ke-16 pada Oktober lalu di Royal Pahang Golf Club, Kuantan.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.